

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG]
TARIKH : 20 OKTOBER 2016
SOALAN :

YB Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Kementerian akan membina Klinik Pakar Asas di Hospital Limbang dan bilakah ahli pakar yang tetap akan ditempatkan di Hospital Limbang sementara menunggu klinik pakar asas dibina.

JAWAPAN.

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang mempunyai perancangan untuk membina Klinik Pakar Asas di Hospital Limbang memandangkan terdapat keperluan yang mendesak disebabkan masalah logistik sewaktu proses merujuk pesakit ke Hospital Miri, kerana terpaksa merentasi sempadan Negara Brunei. Namun disebabkan kekangan peruntukan kewangan, projek ini akan dipohon dalam Rolling Plan 3 atau 4, RMKe-11.